

30/06/2000

Pegawai agama digesa tumpu isu berkaitan keluarga

KUALA LUMPUR, Khamis - Sebuah pertubuhan bukan kerajaan, Sisters In Islam, mahu pegawai agama menumpukan perhatian kepada isu penting seperti penyalahgunaan Undang-undang Kekeluargaan Islam, daripada mencari salah wanita dan sesetengah golongan masyarakat.

Pengarah eksekutifnya, Zainah Anwar, berkata penyalahgunaan Undang-undang Kekeluargaan Islam perlu diutamakan kerana ia boleh menjejaskan kebajikan kanak-kanak dan wanita.

Sehubungan itu, beliau menyarankan agar pihak berkuasa agama Islam memberi perhatian kepada:

- * penguatkuasaan undang-undang syariah terhadap lelaki yang gagal membayar nafkah kepada anak dan bekas isteri mereka;
- * menyampaikan saman dan arahan mahkamah;
- * mengambil tindakan ke atas mereka yang gagal hadir ke mahkamah;
- * mengambil tindakan terhadap mereka yang kerap menghina Undang-undang Kekeluarga Islam menceraikan isteri sewenang-wenangnya; dan
- * mengambil tindakan ke atas lelaki yang mengamalkan poligami tanpa kebenaran mahkamah dan sengaja tidak mendaftarkan perkahwinan mereka.

Membacakan kenyataan akhbar yang mewakili 31 pertubuhan dan individu dalam sidang akhbar di sini hari ini, Zainah menyatakan kebimbangannya terhadap peningkatan diskriminasi dan kurangnya sikap bertolak ansur terhadap wanita dengan menggunakan nama Islam.

Katanya, gejala itu berlaku dalam pelaksanaan undang-undang, penggubalan dasar, kenyataan dan tindakan, sama ada oleh kerajaan, pembangkang atau jabatan agama.

"Kami mengalu-alukan keputusan Menteri Besar Selangor untuk membatalkan tuduhan terhadap mereka yang ditahan di restoran yang menjual minuman keras.

"Bagaimanapun, tindakan itu tidak menyelesaikan isu lebih besar iaitu ketidakadilan dan penguatkuasaan undang-undang secara berpilih yang memberi kesan besar terhadap kehidupan masyarakat," katanya.

Antara yang menyokong kenyataan itu ialah isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmood.

Kenyataan itu juga turut ditandatangani oleh Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (NCWO), Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur, Persatuan Kebangsaan Usahawan Wanita Malaysia dan Persatuan Sahabat Wanita Selangor.

Turut hadir pada sidang akhbar itu ialah Presiden Majlis Aids Malaysia, Marina Mahathir; Timbalan Presiden NCWO, FR Bhupalan; Presiden Pertubuhan Bantuan Wanita, Meera Samanther dan Ketua Pendidikan (Wanita) Dewan Perhimpunan Cina, Seng Hoon Kiew.

Zainah berkata, mereka turut menggesa kerajaan menubuhkan jawatankuasa yang dianggotai wakil dari pertubuhan wanita, ulama yang progresif dan pakar perlembagaan bagi mengkaji semula undang-undang jenayah Syariah.

Katanya, mereka memutuskan supaya sekumpulan wanita dipilih untuk mengkaji semula perundangan dan menyerahkan keputusan kajian kepada kerajaan dan Jabatan Pembangunan Islam Malaysia.

(END)